

### Definisi Harta

Harta dalam bahasa Arab disebut sebagai "al-mal"

Dari segi istilah bermaksud sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu atau kumpulan manusia seperti barang perniagaan, barangan berharga, wang simpanan, aset tetap dan sebagainya.

### Konsep Harta di Dalam Islam

Harta adalah milik Allah SWT. Segala harta yang ada di atas bumi dan alam semesta adalah milik Allah SWT secara mutlak.

Manusia adalah pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan apa yang disediakan oleh Allah bagi memberi manfaat kepada seluruh hambanya.

Manusia hendaklah menggunakan harta dengan sebaik mungkin dan mestilah mengikut peraturan yang dijelaskan oleh syarak.

### Kepentingan Harta

Harta adalah suatu bentuk keperluan bagi penyempurnaan hidup manusia. Setiap anak adam digalakkan berusaha untuk mencari harta supaya menjamin kehidupan yang selasa dan tidak hidup di dalam keadaan meminta-minta. Islam juga tidak melarang untuk manusia mengumpul harta kekayaan yang banyak. Akan tetapi, harta perlulah diuruskan dengan kaedah-kaedah yang betul dan ianya perlu memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh syarak.

### Ciri-ciri Harta di Dalam Islam

Harta mestilah sesuatu yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan; contohnya rumah, hartanah, wang, kereta, pakaian.

Harta mestilah mempunyai nilai dan kuasa pada masa hadapan; contohnya galian dari isi bumi, haiwan, emas dan sebagainya.

### Dalil Perancangan Hartanah

Di dalam surah al-Hasyr ; ayat 18 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Dan bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.



By **NadiahNatasha**

Not published yet.

Last updated 26th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>